

11 OCT 1997

Mahathir-peralatan

RAKYAT MALAYSIA DAPAT MENGUASAI KEMAHIRAN, KATA DR MAHATHIR

KEMAMAN, 11 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kecekapan untuk mengendalikan peralatan canggih membolehkan rakyat negara ini menguasai sesuatu kemahiran tertentu.

Mengikut cara baru, dengan penggunaan komputer melalui kemasukan program tertentu, kerja-kerja yang diperlukan dapat dijalankan dengan mudah, katanya semasa berucap merasmikan Institut Teknikal Tinggi Terengganu di Telok Kalong, di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata kerajaan mendapati bahawa ada sesetengah pihak yang boleh belajar hanya melalui buku dan teori tetapi ada antara mereka yang lebih mudah mendapatkan kecekapan tanpa mengenali teori terlebih dahulu.

Malah, kata beliau, lebih ramai orang Malaysia didapati mudah belajar mengenai cara yang kedua itu, iaitu menggunakan tangan dan kebolehan yang ada pada mereka untuk membuat sesuatu.

"Oleh itu sekarang ini kita boleh belajar melalui komputer dan pendekatan yang canggih ini membolehkan orang yang tidak cekap tahu dalam membuat sesuatu pekerjaan," katanya.

Dengan komputer, Dr Mahathir berkata manusia boleh mengeluarkan sesuatu yang lebih berkualiti dengan ukuran yang begitu tepat tanpa diuji berkali-kali untuk mendapatkan hasil yang baik.

"Dahulu kita hanya bergantung kepada kecekapan tangan dan ini memerlukan jangka masa yang panjang dan penghasilan yang tidak banyak," katanya.

Beliau berkata bahawa masyarakat Melayu dahulu berpendapat mereka hanya mahir dalam bidang tanaman padi dan menoreh dan jika mereka memerlukan kerja pertukangan, mereka mencari bangsa lain untuk mengusahakannya.

Tetapi dengan kemahiran dan pembelajaran yang disediakan oleh kerajaan pada masa ini, orang Melayu dapat menjadi pakar dalam satu-satu bidang yang diceburinya.

"Malah kita sekarang sudah mampu membuat segalanya seperti membuat kereta, kapal terbang dan mungkin pada satu hari kita boleh membuat kapal angkasa kita sendiri," katanya.

Beliau berkata kejayaan ini bukan untuk mendabik dada tetapi sekarang orang Melayu sudah boleh menghasilkan seperti apa yang dilakukan oleh bangsa Eropah, Jepun dan sebagainya.

Dr Mahathir berkata untuk menjadi sebuah negara industri, Malaysia memerlukan ramai pakar berkemahiran tinggi tetapi masih ramai rakyat yang tidak menggunakan kesempatan yang diberikan itu.

"Oleh itu kerajaan terpaksa mengambil ramai pekerja asing untuk melakukan kerja-kerja yang tidak dilakukan oleh rakyat negara ini kerana mereka (pekerja asing) pandai menggunakan peluang kerajaan," katanya.

Beliau berkata tiada sebab rakyat di negara ini merungut kerana tidak mendapat pekerjaan yang baik sedangkan sudah terlalu banyak kerajaan sediakan untuk mereka.

Mereka juga boleh memasuki institusi-institusi yang ada bagi meningkatkan mutu kemahiran dan pengetahuan mereka di samping memperolehi pendapatan yang tinggi.

Dr Mahathir menasihatkan pelajar yang tidak lulus dalam peperiksaan utama yang diduduki supaya tidak berasa rendah diri kerana ada kemungkinan mereka mempunyai peluang yang cerah dalam bidang lain.

"Jika mereka mempunyai keinginan dan kesediaan untuk terus belajar,

mereka boleh berjaya dalam bidang yang mereka ceburi bahkan mungkin lebih baik daripada kelulusan peperiksaan utama yang diduduki mereka," katanya.

Beliau berkata kadangkala permintaan terhadap pekerja yang mempunyai latihan dalam bidang industri lebih tinggi berbanding dengan mereka yang lulus dengan sijil dan kadangkala mereka ditawarkan bekerja dengan gaji lumayan sebelum menamatkan latihan.

Perdana Menteri turut menasihatkan masyarakat negara ini supaya sentiasa bersyukur dengan setiap apa yang dimiliki dan jika mereka sentiasa berbuat demikian banyak lagi kebaikan yang akan diperolehi.

Dr Mahathir turut menyelar sesetengah pelajar yang diberi biasiswa dan peluang belajar oleh kerajaan tetapi tidak menggunakannya dengan baik dan belajar dengan tekun.

"Malah mereka mengecam kerajaan sebagai tidak Islam, sedangkan mengikut Islam mereka tidak sepatutnya menggigit tangan yang menyuapkannya," katanya.

Beliau berkata pelajar yang sedemikian merupakan mereka yang tidak bertanggungjawab dan tidak pernah berasa terhutang budi sedangkan kejayaan yang diperolehinya untuk diri mereka sendiri.

"Kalau penuntut yang mempunyai rasa terhutang budi dan bertanggungjawab mereka akan belajar dengan tekun di samping membantu pembangunan negara dengan kepakaran mereka sebagai balasan," katanya.

Dr Mahathir berkata tidak terdapat banyak negara yang memberi peluang pendidikan seperti yang disediakan kerajaan sebegini luas.

Yang turut hadir ialah Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

Terdahulu itu, ketika Dr Mahathir tiba di Kemaman, beliau diiringi oleh sebanyak 400 motosikal. Lebih 10,000 orang hadir di majlis itu. -- BERNAMA  
SBS MAI